

22/11/1999

Parti lawan jelas bergolak

Rokaid Chik

KOK LANAS, Ahad - Penarikan diri beberapa tokoh ternama parti barisan alternatif di saat akhir sebelum penamaan calon kelmarin untuk bertanding pada pilihan raya umum 29 November ini, menyakinkan rakyat bahawa gabungan parti pembangkang itu kini sedang bergolak hebat.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata apa yang terjadi kepada pemimpin Pas dan juga Keadilan itu juga ada kaitan dengan masalah konflik dalaman serta amalan kroni yang begitu menebal.

Beliau berkata, tokoh ternama yang masih baru dalam parti berkenaan tidak begitu mudah diberikan tempat bertanding pada pilihan raya umum ini berikutan kebimbangan pengaruh mereka akan mengatasi tokoh sedia ada.

"Saya fikir apa yang terjadi kepada pemimpin Pas dan juga Keadilan yang terpaksa menarik diri pada saat-saat akhir kerana kesukaran untuk mendapat tempat yang sesuai dan dikira selamat.

"Ini kerana kebanyakan kawasan yang dianggap selamat itu sudah dimonopoli oleh parti-parti tradisi dan pemimpin asal mereka. Sedangkan pemimpin baru mereka, termasuk Datuk Harun Din cuma dipergunakan oleh Pas untuk meraih undi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan dividen kepada peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) Projek Ternakan Ayam Telur, Pecah Tanah dan Perletakan Batu Asas Pusat Pertumbuhan Desa, Gading Galoh, dekat sini, hari ini.

Annuar berkata, sebagai `orang baru', kebanyakan pemimpin mereka (Pas dan Keadilan) termasuklah pemimpin di peringkat akar umbi tidak begitu mempercayai antara satu sama lain dan kurang selesa untuk memberi laluan kepada mereka.

Malah, katanya apa yang jelas rakyat boleh membuat penilaian sendiri terhadap keengganan tokoh berkenaan bertanding kerana mereka bimbang akan tewas.

"Di sesetengah tempat keadaannya tidak selamat dan kalau mereka diletakkan juga di kerusi yang Umno kuat, mereka kalah, maka hayat politik mereka akan mati di tahun pertama mereka melibatkan diri.

"Jadi sekarang ini ada konflik dalaman dalam Pas dan juga Keadilan. Sementara Keadilan juga menonjolkan pemimpin yang sebahagian besarnya adalah kumpulan daripada pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

"Begitu juga dalam Pas yang terdapat kumpulan-kumpulan tertentu dan masing-masing nak letak calon yang mirip kepada mereka. Jadi masalah ini menyebabkan sesetengah pemimpin besar mereka tidak dapat nak teruskan bertanding," katanya.

Beliau berkata, jika ada kalangan pemimpin terbabit bertanding, ia bukan di tempat digembar-gemburkan sebelum ini misalnya ada tokoh tertentu yang hendak lawan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhirnya diberikan kepada orang lain.

Berikutan masalah yang dianggap memuncak itu, katanya, ramai ahli Pas dan juga Keadilan kecewa dan tidak lagi yakin dengan keikhlasan barisan alternatif dalam memenuhi agenda sebenar perjuangan mereka.

"Nampaknya bekas pemimpin dan ahli Umno yang ikut Keadilan tidak mendapat tempat dan mereka amat kecewa. Sudah ramai pemimpin Pemuda Keadilan datang hendak menyertai Umno dan begitu juga dengan Pas," katanya.

(END)